

Restu rakyat kepada kerajaan Perikatan Nasional

TANJUNG MALIM - Kemenangan besar calon Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim kelmarin merupakan isyarat jelas bahawa rakyat memberikan restu kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN), demikian pandangan para penganalisis politik.



KARTINI

'periuk nasi' rakyat kesan daripada Covid-19.

"Dengan pelbagai dasar popular Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin maka jentera BN, Pas mahupun Bersatu tidak sukar untuk berkempen seterusnya memberikan kemenangan

kepada calon mereka lebih-lebih lagi DUN Slim merupakan kubu kuat UMNO," katanya.

Melontarkan nada sama, Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Kartini Aboo Talib berkata, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersama Pejuang kini tidak relevan dan berpengaruh.

"Saya rasa ini adalah penolakan menyeluruh kepada Dr Mahathir setelah beliau bersama PH suatu ketika dulu telah gagal membuktikan pada rakyat janji mereka (kerajaan) dan bertambah rumit dengan Ahli Parlimen PH rata-rata tiada pengalaman mentadbir," katanya.

Selain itu, Kartini berkata, keputusan PRK itu juga jelas membuktikan Slim ternyata sukar untuk dirampas oleh mana-mana parti selain BN.

PRK itu diadakan berikutan kematian penyandanginya, Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib pada 15 Julai lalu yang menawan kerusi DUN Slim sejak 2004 dan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) menang dengan majoriti 2,183 undi.

- Bernama

BN mengekalkan kerusi DUN itu menerusinya calonnya, Mohd Zaidi Aziz dengan majoriti 10,945 undi selepas memperoleh 13,060 undi.

Pemangku Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim itu menewaskan dua calon Bebas iaitu peguam, Amir Khusyairi Mohamad Tanusi mewakili Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) yang memperoleh 2,115 undi dan bekas guru, S Santharasekaran yang hanya meraih 276 undi.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik, Dasar dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd Shukri Shuib berkata, rakyat jelas dapat menilai bahawa BN yang merupakan sebahagian daripada gabungan PN mampu menjaga 'periuk nasi' mereka, lebih-lebih lagi ketika negara dan dunia berdepan dengan kesan penularan wabak Covid-19.

"Undi popular yang tinggi kepada calon BN itu menunjukkan restu rakyat kepada kerajaan dan dasar-dasar yang sedang dijalankan termasuklah keprihatinan terhadap 'dapur rakyat',